

Pelabur Malaysia boleh bantu capai sasaran negara maju 2025

Hanoi: Pelabur dan peniaga Malaysia di luar negara boleh memainkan peranan penting membantu kerajaan mencapai sasaran menjadikan Malaysia menjadi negara maju pada 2025.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, selepas mengambil alih pentadbiran negara pada tahun lalu, beliau dapati Wawasan 2020 yang digariskan ketika menjadi Perdana Menteri keempat pada 1981 sehingga 2003, sudah tersasar daripada matlamatnya.

“Kita tersasar Wawasan 2020. Mungkin (mampu dicapai pada) 2025. Ini bermakna semua komuniti perniagaan (di luar negara) boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia,” katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Diaspora Malaysia di Vietnam, malam tadi.

Majlis itu sempena lawatan rasmi beliau ke negara republik sosialis ini atas jemputan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc yang bermula hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Luar Negeri, Datuk Saifuddin Abdullah dan Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Datuk Shariffah Norhana Syed Mustaffa.

Majlis itu dihadiri kira-kira 200

rakyat Malaysia di Vietnam, sebahagian besar ahli peniaga dan pelabur.

Mei lalu, Dr Mahathir berkata, Malaysia menetapkan sasaran baharu untuk menjadi negara maju dan contoh kepada dunia menerusi Wawasan 2025, lima tahun terlewat, berbanding Wawasan 2020 yang diilhamkannya hampir 30 tahun lalu.

Sasaran baharu itu, katanya, kerana Wawasan 2020 sudah tersasar daripada objektif asal selepas beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri apabila bersara pada 2003.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira melihat semakin banyak rakyat Malaysia melabur dalam pelbagai bidang di luar negara yang bukan sahaja membantu meningkatkan ekonomi Malaysia, malah menyumbang pembangunan negara lain.

“Rakyat Malaysia sekarang menjalankan perniagaan di serata dunia, termasuk negara kurang membangun. Ini perkara yang baik kerana ia boleh membantu (pembangunan) ekonomi negara rakan.

“Ia bagus kepada ekonomi Malaysia apabila adanya barang yang



Dr Mahathir disambut pegawai Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Luar ketika tiba di Hanoi, malam tadi.
(Foto BERNAMA)

boleh kita eksport dan import dari negara berkenaan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, di sebalik banyak negara di dunia kini berdepan pelbagai cabaran, khususnya ekonomi dan dasar kerajaan yang tidak menguntungkan rakyatnya, Malaysia masih kekal

sebagai negara yang baik untuk didiami.

“Di Amerika Latin, Asia Barat dan Afrika, ramai rakyatnya berhijrah ke negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah. Negara di Asia Tengah juga bermasalah. Misalnya (ketegangan) India dan Pa-

kistan, Sri Lanka dan Myanmar juga.

“Kita negara berbilang kaum dan agama, tetapi di sebalik perbezaan ini kita masih dapat hidup bersama. Kita tak berdepan tindakan rakyat berhijrah ke negara lain.